

NO. SOALAN: 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 26 JULAI 2017

RUJUKAN : 9964

SOALAN:

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kematian dan sebab kematian dalam "lock-up" balai polis, penjara dan tahanan imigresen dan depot imigresen mengikut perincian kaum dan kewarganegaraan bagi setiap tahun dari 2000 hingga Jun 2017 dan berapa ramai anggota polis telah disabitkan bersalah menyebabkan kematian tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian memandang serius kes-kes kematian semasa dalam tahanan polis atau pihak penguatkuasaan yang lain dan sentiasa mengambil langkah-langkah pembaharuan untuk mengatasi kejadian berkenaan dari terus berulang pada masa hadapan.

Statistik jumlah kematian dalam lokap polis di seluruh negara dari tahun 2000 hingga Jun 2017 mengikut pecahan jantina, kaum dan kewarganegaraan adalah seperti berikut:-

BIL	TAHUN	P	L	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	WARGANEGARA ASING	JUMLAH
1	2000	1	9	3	4	1	1	1	10
2	2001	2	15	5	8	2	0	2	17
3	2002	2	16	9	3	5	0	1	18
4	2003	0	32	14	6	10	0	2	32
5	2004	0	24	14	5	2	1	2	24
6	2005	0	18	9	2	4	1	2	18
7	2006	2	15	8	2	4	1	2	17
8	2007	0	19	9	3	3	2	2	19
9	2008	0	12	4	4	1	1	2	12
10	2009	0	7	1	2	4	0	0	7
11	2010	0	9	5	1	3	0	0	9
12	2011	0	17	11	3	1	0	2	17
13	2012	2	17	4	4	6	2	3	19
14	2013	2	18	3	5	5	0	7	20
15	2014	0	18	6	4	6	0	2	18
16	2015	0	12	6	1	2	0	3	12
17	2016	0	15	6	2	4	0	3	15
18	2017	0	8	3	2	2	0	1	8
JUMLAH		11	281	120	61	65	9	37	292

L - Lekaki
P - Perempuan

Statistik jumlah kematian dalam lokap polis di seluruh negara dari tahun 2000 hingga Jun 2017 mengikut punca kematian adalah seperti berikut:-

BIL	PUNCA KEMATIAN	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	JUMLAH
1	HIV	1	2	7	9	8	3	2	2	0	34
2	SAKIT ASMA	0	0	3	0	1	0	0	0	0	4
3	SAKIT JANTUNG	1	2	1	0	1	2	0	2	2	11
4	LAIN-LAIN PENYAKIT (USUS,HATI,KUNING, ULSER,PARU-PARU, KERONGKONG)	4	6	4	18	12	8	10	11	8	81
5	PENDARAHAN DI OTAK	1	2	0	3	1	1	3	3	0	14
6	GANTUNG DIRI	3	5	2	1	1	4	2	1	2	21
7	GADUH SESAMA OKT	0	0	1	1	0	0	0	0	0	2
8	DICEDERAKAN POLIS	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH		10	17	18	32	24	18	17	19	12	167

BIL	PUNCA KEMATIAN	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	JUMLAH
1	HIV	0	0	0	0	1	1	0	0	0	2
2	SAKIT ASMA	1	0	0	0	0	0	1	1	0	3
3	SAKIT JANTUNG	0	3	1	2	1	2	1	2	1	13
4	LAIN-LAIN PENYAKIT (USUS,HATI,KUNING, ULSER,PARU-PARU, KERONGKONG)	3	5	15	13	15	15	10	9	7	92
5	PENDARAHAN DI OTAK	0	0	0	0	0	0	0	2	0	2
6	GANTUNG DIRI	2	1	1	4	2	0	0	1	0	11
7	GADUH SESAMA OKT	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
8	DICEDERAKAN POLIS	1	0	0	0	1	0	0	0	0	2
JUMLAH		7	9	17	19	20	18	12	15	8	125

Nota: Punca kematian bagi tahun 2017 adalah berdasarkan kepada laporan Post Mortem

Dari tahun 2000 hingga 2017, seramai 15 orang pegawai polis telah didakwa di mahkamah atau telah diambil tindakan tatatertib atas sebab kecuaiian atau menyebabkan kecederaan atau menyebabkan kematian kepada tahanan.

Bagi kes-kes kematian dalam Penjara Malaysia pula, statistik kematian banduan dari tahun 2010 hingga Julai 2017 menunjukkan seramai 1,808 orang penghuni penjara telah meninggal dunia di hospital semasa penghuni berkenaan menerima rawatan lanjut akibat masalah penyakit seperti HIV, kanser, serta penyakit-penyakit berkaitan jantung, darah, paru-paru, tibi dan sebagainya. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,121 orang terdiri daripada kaum Melayu, 254 orang kaum Cina, 202 orang kaum India, 32 orang lain-lain bangsa dan 199 orang warganegara asing.

Berdasarkan kepada prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Penjara, kesemua kematian tersebut telah dilaporkan kepada PDRM dan Koroner, lawatan Koroner dan bedah siasat. Siasatan secara dalaman juga dilaksanakan oleh pihak Penjara. Keluarga atau waris atau kedutaan asing (bagi kematian melibatkan rakyat asing) turut dimaklumkan tentang kematian banduan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

TARIKH : 26 JULAI 2017 (RABU)

SOALAN : 25

PR-1352-L02413

Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [Langkawi] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan:-

- (a) Tahap kelajuan Internet di hotel-hotel Pulau Langkawi; dan
- (b) Apakah Kementerian berhasrat untuk menetapkan satu nilai kelajuan minima bagi hotel-hotel bertaraf 3, 4, 5 atau 6 bintang di pulau ini bagi meningkatkan lagi sektor pelancongan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tahap kelajuan Internet adalah bergantung kepada teknologi yang tersedia di setiap kawasan. Pihak Kerajaan tidak menetapkan sebarang kelajuan Internet bagi mana-mana lokasi komersial seperti hotel-hotel atau tempat pelancongan.

SOALAN NO: 25

Di Langkawi, pelbagai inisiatif penambahbaikan jalur lebar telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan bagi menyokong industri pelancongan negara. Antara lainnya ialah projek HSBB yang disediakan di sekitar Bandar Kuah yang mampu memberi kelajuan sehingga 100 Mbps. Bagi sebahagian kawasan lain seperti Kampung Padang Lalang, capaian sehingga 20Mbps telah disediakan di bawah projek Jalur Lebar Pinggir Bandar. Kedua-dua projek ini telah melibatkan pemasangan gentian optik secara menyeluruh di Langkawi.

Selain itu, terdapat 10 menara komunikasi yang telah dibina dan beroperasi dengan perkhidmatan jalur lebar mudah alih sehingga 4G di kawasan-kawasan utama di Langkawi yang mempunyai purata kelajuan sebanyak 20Mbps.

Sehubungan itu, infrastruktur jalur lebar termasuk rangkaian gentian optik yang mampu memberi kelajuan Internet yang tinggi telah pun tersedia secara menyeluruh di Langkawi yang meliputi sebahagian besar hotel-hotel bertaraf 3, 4, 5 atau 6 bintang.

Dalam hal ini, kelajuan Internet adalah bergantung kepada pakej jalur lebar yang dilanggan oleh pihak hotel yang berkaitan di mana pihak hotel seharusnya melanggan pakej jalur lebar yang tinggi bersesuaian dengan kapasiti pengunjung di hotel masing-masing bagi memastikan perkhidmatan jalur lebar yang memuaskan dan sekaligus dapat menggalakkan pertumbuhan industri pelancongan di Langkawi.

Selain itu, kelajuan minima perkhidmatan jalur lebar di hotel-hotel juga boleh ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri sebagai salah satu syarat kelulusan permohonan kebenaran permit beroperasi.